

CNS2582

R GB 09-08 00182 BC200

aab

MALAYSIA MUNGKIN MEMUTUSKAN HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN YUGOSLAVIA

I

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Malaysia mungkin menimbang untuk memutuskan hubungan diplomatik dengan Yugoslavia jika keganasan di Bosnia-Herzegovina berterusan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia membantah keras langkah supaya Serbia mewakili Yugoslavia pada persidangan kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) di Jakarta bulan depan.

Perdana Menteri juga membidas sikap Amerika Syarikat (AS) berhubung dengan isu Bosnia.

+Kita berasa sedih kerana amatlah jelas Sarajevo diserang dan banyak penduduk Bosnia terbunuh tetapi mereka (AS) baru untuk memikirkannya,+ kata beliau kepada TV3 di Langkawi.

Beliau berkata bahawa Washington hanya sedia mengkaji nasib (penduduk Bosnia) apabila laporan mengenai kern-kern tahanan diamumkan.

+Tetapi mereka sanggup berperang menentang Saddam (Hussein) ... jadi saya tidak tahu apakah keutamaan mereka. +

+Sama ada penduduk Bosnia i tu Islam atau kaum Croatia... i tu tidak menjadi hal tetapi mereka diserang oleh kaum Serbia, dibunuh di mana-mana dan diusir.+

+Jika keadaan ini berterusan,, kita mungkin menimbang untuk memutuskan hubungan diplomatik,+ kata beliau. -- Bernama